

Malaysia Menongkah Arus Dengan Pertumbuhan Baik: Pakar Ekonomi Bernama
22 Mac, 2013
Oleh Zarul Effendi Razali dan Amanina Mohamad Yusof

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Kad laporan baik bagi program transformasi kerajaan (GTP) dan program transformasi ekonomi (ETP) Malaysia menongkah arus dengan berkembang pantas berbanding negara-negara lain, kata RAM Holdings Bhd.

Ketua pakar ekonomi kumpulan Dr Yeah Kim Leng memberitahu Bernama, Malaysia merupakan antara beberapa negara yang sebenarnya berkembang pada kadar yang pantas pada 2012 berbanding tahun sebelumnya di mana negara-negara lain, terutamanya ekonomi maju dan besar, berkembang amat perlahan.

"Kita berupaya mengekalkan pertumbuhan paras lebih tinggi meskipun eksport kita kekal tidak berubah, dan mendapat manfaat daripada permintaan domestik yang sangat kukuh seperti yang disebut dalam laporan itu.

"Perkara yang paling penting di sini ialah tahap pelaburan yang sesuai yang sebenarnya menandakan kejayaan kedua-dua ETP dan GTP, yang mengekalkan keyakinan sektor swasta, di mana kami melihat paras tinggi pelaburan swasta tahun lepas," katanya di luar "Seminar mengenai Ucapan Gabenor BNM tentang Ekonomi Malaysia & Perbincangan Panel" yang diadakan baru-baru ini.

Beliau berkata keyakinan sektor swasta penting kerana dalam Model Ekonomi Baharu, Malaysia perlu beralih kepada pertumbuhan yang diterajui sektor swasta bagi kemapanan jangka panjang negara.

"Kita mencatatkan permulaan yang sangat baik dalam tempoh dua tahun pertama, dari segi prestasi ekonomi mikro utama seperti pekerjaan penuh, harga stabil serta peningkatan paras pendapatan.

"Apa yang kita perlukan sekarang ialah untuk mengekalkan usaha transformasi kita. Langkah-langkah yang telah diambil menunjukkan kita berada di landasan sebenar dan kita hanya perlu meneruskan hala tuju itu," katanya.

Yeah, bagaimanapun, berkata sekiranya kerajaan boleh meningkatkan usaha dalam bahagian transformasi yang telah dikenal pasti, Malaysia boleh meneruskan wawasan untuk menjadi sebuah ekonomi berpendapatan tinggi.

Sementara itu, Presiden Persatuan Ekonomi Malaysia Tan Sri Mohd Sheriff Mohd Kassim berkata Malaysia amat bertuah yang kerajaan melancarkan program GTP dan ETP, di mana tanpanya negara kemungkinan akan berdepan masalah ekonomi.

"Sejak projek ETP mula dilaksanakan tahun lepas, rakyat boleh melihat dengan mata mereka sendiri program transformasi kerajaan seperti MRT dan lain-lain.

"Projek-projek ini sangat berguna kerana ia meningkatkan permintaan bagi bahan material pembinaan dan mewujudkan peluang pekerjaan bagi buruh dan jurutera, dan semua ini merangsang ekonomi," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/bu/newsbusiness.php?id=936515>